

Aplikasi *Qabd* dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan dalam Perundangan di Malaysia

Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia

NOR AINI ABDULLAH, Universiti Kebangsaan Malaysia
NOOR LIZZA MOHAMED SAID¹, Universiti Kebangsaan Malaysia
MOHD ZAMRO MUDA, Universiti Kebangsaan Malaysia
NASRUL HISYAM NOR MUHAMAD, Universiti Teknologi Malaysia

Received: May 9, 2021 Accepted: November 11, 2021 Online Published: June 15, 2021

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Hibah merupakan salah satu amalan dalam merancang dan mengurus harta orang Islam. Amalan hibah yang diamalkan oleh masyarakat pada hari ini telah memperlihatkan satu perkembangan yang baik dalam usaha mengagihkan harta sebelum berlaku kematian. Namun, dalam memastikan amalan hibah selari dengan tuntutan syarak, terdapat beberapa rukun hibah yang perlu dipatuhi untuk memastikan akad hibah sah. Hal ini kerana terdapat satu elemen yang menjadi perselisihan dalam kalangan fuqaha iaitu kedudukan qabd dalam akad hibah. Kesan kepada perbezaan pandangan fuqaha terhadap kedudukan qabd telah menyebabkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terhadap pelaksanaan qabd dalam amalan hibah. Penulis telah mengesan beberapa bentuk penerimaan hakim terhadap bentuk qabd melalui beberapa kes hibah yang telah dibicarakan di Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan pendapat fuqaha berkaitan kedudukan qabd dalam akad hibah serta hujah yang mendasari pandangan mereka. Kajian ini juga akan mengesan kedudukan pelaksanaan qabd dalam perundangan di Malaysia melalui kes-kes hibah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui kajian kepustakaan dan analisis data-data yang diperolehi. Kajian ini mendapati perbezaan pendapat di antara fuqaha berkenaan dengan kedudukan qabd dalam akad hibah telah memberi kesan terhadap amalan hibah dalam kalangan orang Islam di Malaysia.

Kata kunci: Hibah, qabd, perancangan dan pengurusan harta, rukun hibah, fuqaha.

ABSTRACT

Hibah is one of the practices in planning and managing the property of Muslims. The practice of hibah practiced by the community today has shown a good development in the effort to distribute property before death. However, in ensuring that the practice of hibah is in line with Islamic law, there are several pillars of hibah that must be observed to ensure that the hibah contract is valid. This is because there is one element that is in dispute among the jurists, namely the position of qabd in the hibah contract. The effect of the differences in the views of the jurists on the position of qabd has caused confusion among the community on the implementation of qabd in the practice of hibah. The author has traced several forms of judges' acceptance of the qabd form through several hibah cases that have been tried in Syariah Courts. Therefore, this article will discuss the opinions of jurists regarding the position of qabd in the hibah contract as well as the arguments underlying their views. This study will also trace the position of the implementation of qabd in the law in Malaysia through hibah cases heard in Syariah Courts. The research methodology used is through a literature review and analysis of the data obtained. This study found that differences of opinion among jurists regarding the position of qabd in the hibah contract have affected the practice of hibah among Muslims in Malaysia.

Keywords: Hibah, qabd, property planning and management, pillars of hibah, fuqaha

PENGENALAN

Hibah merupakan satu amalan pemberian secara sukarela yang melibatkan harta alih mahupun harta tak alih. Konsep hibah berbeza dengan konsep pengurusan harta yang lain seperti faraid dan wasiat.

Ini kerana tujuan hibah adalah untuk berkasih sayang antara pihak pemberi dan penerima tanpa mengharapkan sebarang balasan. Golongan yang berhak menerima hibah tidak dihadkan kepada golongan yang tertentu seperti mana sistem faraid yang mengkhususkan pembahagian harta si mati ke atas ahli waris sahaja manakala penerima wasiat tidak

¹ Corresponding author.

boleh terdiri daripada ahli waris mengikut pendapat jumur ulama. Pemilik harta hibah juga tidak terbatas untuk menghibahkan hartanya kepada sesiapa yang dikehendaki tanpa batasan kadar harta. Umumnya, hibah boleh menjadi pemudahcara bagi orang Islam untuk merancang dan menguruskan harta semasa hidup.

Menelusuri faktor kesahan akad hibah pula, rukun-rukun hibah terdiri daripada penerima hibah, pemberi hibah, harta yang dihibahkan serta sighth akad hibah. Namun terdapat satu elemen yang dibahaskan oleh fuqaha silam serta ahli akademik pada hari ini iaitu kedudukan dan pelaksanaan *qabd* dalam akad hibah. Sebahagian fuqaha beranggapan *qabd* merupakan syarat sah hibah manakala sebahagian yang lain berpendapat sebaliknya. Sekiranya *qabd* bukan syarat sah akad hibah bagi sebahagian fuqaha, maka terdapat kesan-kesan yang akan mempengaruhi kedudukan hukum bagi perkara lain dalam akad hibah. Hal ini dapat dilihat apabila berlaku kematian pada salah satu pihak yang berakad dalam keadaan *qabd* tidak terlaksana, akad hibah tidak terbatal bagi pandangan yang tidak menjadikan pelaksanaan *qabd* adalah syarat sah hibah.

Secara realitinya, sehingga kini undang-undang khusus hibah di negara ini masih belum digubal. Kelompokan ini memberi kesan terhadap amalan praktikal hibah di mana Hakim Syarie di Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa dalam mengendalikan kes hibah hanya merujuk dan menggunakan pandangan mazhab yang pelbagai dalam mengendalikan kes hibah khususnya dalam isu yang melibatkan *qabd* dalam akad hibah. Sementara itu, ketiadaan statut khusus berkaitan hibah turut memberi kesan terhadap sistem tawaran produk hibah di negara ini. Misalnya dalam industri perancangan dan pengurusan harta yang menawarkan produk berasaskan hibah bagi membantu orang Islam menguruskan harta yang dimiliki semasa hidup. Penawaran produk hibah tersebut melibatkan syarikat amanah, syarikat guaman, perbankan Islam dan industri takaful. Justeru, setiap industri menawarkan produk yang berbeza dari segi pelaksanaan kerana tiada garis panduan khusus yang menyebut dan menyelaraskan pelaksanaan *qabd* bagi setiap produk. Walaubagaimanapun, segala urusan penyeliaan industri dipandu oleh panel-panel syariah yang mengawal prinsip penawaran produk hibah supaya sentiasa mematuhi tuntutan syarak.

Justeru, berpandukan pandangan fuqaha mengenai kedudukan *qabd* dalam akad hibah, kajian ini akan melihat apakah kesan-kesannya ke atas akad hibah. Pelaksanaan *qabd* dalam amalan semasa akad hibah juga turut difokuskan yang mempunyai perkaitan dengan kes-kes hibah yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah.

DEFINISI *QABD*

Menurut Mu'jam Maqayis al-Lughah, *qabd* dari sudut bahasa berasal daripada perkataan qaf, ba' dan dad,

merupakan perkataan yang membawa maksud sesuatu yang diambil. Contohnya, seseorang telah berkata, "Saya sudah mengambil sesuatu manfaat daripada harta tersebut". Tindakan ini dikira sebagai *qabd* kerana manfaat yang diambil daripada harta tersebut (Ibn Faris 1979; 'Abdullah Muhammad 2014).

Manakala, al-Kasani (2003) memberi takrifan sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Thabiti (1990), *qabd* adalah satu pengiktirafan terhadap seseorang untuk menguasai dan melakukan tasarruf terhadap sesuatu barangan tanpa sebarang halangan 'urf atau adat hakiki. Al-Zamakhshari (1998) dalam kitab Asas al-Balaghah turut menyatakan, *qabd* boleh juga berlaku dalam bentuk seseorang berkata, "Dia sudah menerima barang tersebut", atau "Saya sudah melakukan *qabd* terhadap barang tersebut", atau "Saya sudah memegang barang tersebut" (cAbdullah Muhammad 2014).

Selain daripada itu, Nazih Hammad (2001) menyatakan *qabd* boleh melambangkan tindakan seseorang untuk mendapatkan sesuatu harta. Harta tersebut walaupun tidak dapat diperolehi dengan tangan kerana tidak boleh dipegang secara hakiki seperti tanah, namun tanah tersebut boleh menjadi hak milik seseorang apabila dikuasai, diuruskan dan dijadikan milik penerima harta tersebut.

KEDUDUKAN *QABD* DALAM AKAD HIBAH MENURUT FUQAHA

Kedudukan *qabd* dalam akad hibah telah dibahaskan oleh fuqaha serta ahli akademik pada hari ini. Mustafa al-Khin et al. (2000) di dalam kitab Fiqh Manhaji menerangkan bahawa *qabd* mempunyai peranan yang amat besar dalam menentukan pemilikan harta yang dihibahkan kepada penerima hibah. Pelaksanaan *qabd* yang dibuat menandakan pemberi hibah berkelayakan untuk bertasarruf dan menguasai harta tersebut tanpa sebarang halangan.

Namun, dalam membincangkan kepentingan *qabd* dalam akad hibah, para fuqaha telah berselisih pendapat dalam menentukan keperluan *qabd* dalam akad hibah (Noor Lizza et al. 2010). Perselisihan tersebut menyebabkan kedudukan *qabd* berbeza bersandarkan pandangan dan hujah fuqaha samada *qabd* menjadi syarat dalam akad hibah atau sebaliknya. Justeru, penulis akan membahagikan perselisihan tersebut kepada dua golongan, iaitu golongan fuqaha yang menjadikan *qabd* adalah syarat sah berlakunya akad hibah dan golongan yang tidak mensyaratkan *qabd* sebagai syarat sah akad hibah.

1. *Qabd* Sebagai Syarat Sah Hibah

Mazhab Shafi'i berpandangan bahawa *qabd* merupakan syarat sah dan sempurna akad hibah. Ini bermakna, hibah berhak ditarik balik selagimana penerima hibah tidak pernah bertasarruf dan menguasai harta hibah (Mustafa al-Khin et al. 2000). Pandangan ini bersandarkan pada sebuah hadis yang

diriwayatkan oleh al-Hakim di mana Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

لَمَّا تَزَوَّجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُمَّ سَلَمَةَ قَالَتْ لَهَا:
إِنِّي أَهْدِيْتُ إِلَى النَّجَاشِيِّ أَوْاقًا مِنْ مِسْكِ، وَخَلَّةً، وَإِنِّي لَا أَرَاهُ
إِلَّا قَدْ مَاتَ، وَلَا أَرَى الْهَدِيَّةَ الَّتِي أَهْدَيْتُ إِلَيْهِ، إِلَّا سَتَرْتُ، فَإِذَا
رُدَّتْ إِلَيَّ فَهُوَ لَكَ أَمْ لَكُمْ؟

(al-Naisaburi, *al-Mustadrak 'ala al-Sahihaini*, 2/188):

Maksudnya: “Ketika Rasulullah SAW mengahwini Ummu Salamah r.a, Baginda telah bersabda, “Aku hadiahkan kepada Najasyi beberapa auns minyak kasturi dan perhiasan tetapi aku merasakan dia telah meninggal dunia. Aku juga telah merasakan hadiah yang aku berikan kepadanya ini akan dipulangkan. Apabila hadiah itu dipulangkan kepada aku, ia akan menjadi hak engkau atau hak kamu semua?”

Raja Najasyi kemudian meninggal dunia sepertimana yang disebutkan oleh Baginda Nabi SAW. Harta yang dihibahkan oleh Nabi tidak digunakan dan tidak dilakukan sebarang tindakan *qabd* sehingga raja tersebut meninggal dunia. Kemudian, Nabi Muhammad SAW memberikan satu auns minyak kasturi tersebut kepada setiap isterinya serta Ummu Salamah. Justeru, tindakan Nabi Muhammad SAW yang mengambil semula harta hibah kepada Raja Najasyi menunjukkan bahawa harta tersebut boleh ditarik balik kerana belum berlaku *qabd*. Situasi ini menjadi hujah yang kukuh bagi fuqaha yang meletakkan kedudukan *qabd* sebagai syarat sah dan syarat lazim dalam akad hibah (Mustafa al-Khin et al. 2000; Wahbah al-Zuhayli 1985).

Sementara itu, Mazhab Hanafi dalam meletakkan kedudukan *qabd* dalam akad hibah turut berpandangan *qabd* merupakan syarat sahnya akad hibah. Namun, dari sudut lain, Mazhab Hanafi memandang pelaksanaan *qabd* sebenarnya menggantikan kedudukan qabul dalam akad hibah (‘Ali Haydar 2003; Nasri Naiimi 2016). Hibah adalah sah dengan hanya ijab yang dilafazkan oleh pemberi hibah dan *qabd* yang dilaksanakan oleh penerima hibah. Dengan demikian, fuqaha Mazhab Hanafi meletakkan kepentingan *qabd* dalam akad hibah mempunyai taraf dan kedudukan yang sama dengan qabul. Pandangan ini berasaskan pada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Umar:

حَدَّثَنَا أَبُو مُصْعَبٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا مَالِكٌ، عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ
عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ الْقَارِيِّ، أَنَّ عُمَرَ
بْنَ الْخَطَّابِ قَالَ: مَا بَالَ رَجَالٍ يَحْلُونَ أَبْنَاءَهُمْ نُحْلًا، ثُمَّ
يُمْسِكُونَهَا فَإِنْ مَاتَ ابْنُ أَحَدِهِمْ، قَالَ: مَالِي بِيَدِي لَمْ أُعْطِهِ
أَحَدًا، وَإِنْ مَاتَ هُوَ، قَالَ: هُوَ لِابْنِي قَدْ أُعْطِيْتُهُ إِيَّاهُ، مَنْ نَحَلَ
نُحْلًا، لَمْ يَحْزَرْهَا الَّذِي نُحِلَّهَا حَتَّى يَكُونَ إِنْ مَاتَ لَوْرَثْتَهُ، فَهِيَ
بَاطِلَةٌ.

(Malik Bin Anas. *al-Muwatta'.* Kitab al-Nuhl wal al-'Atiyyah. No. 1922):

Maksudnya: “Mengapa ada lelaki-lelaki yang memberikan harta mereka kepada anak-anak mereka, kemudian mereka menahan harta itu. Apabila salah

seorang daripada anaknya meninggal dunia, bapa tersebut berkata: “Hartaku adalah milikku, aku tidak berikan kepada seseorang pun.” Apabila bapa pula hampir meninggal dunia, dia berkata: “Harta ini untuk anakku, aku telah berikan kepadanya.” Maka sesiapa yang memberikan harta (pemberian) tetapi tidak menyerahkan pemberian itu sehingga dia meninggal dunia, harta (pemberian) tersebut adalah untuk ahli warisnya. Pemberian seperti itu terbatal.”

Selain daripada Mazhab Shafi'i dan Mazhab Hanafi, al-Nakhai dan al-Thawri turut menjadikan *qabd* sebagai syarat lazim dalam akad hibah. Penerima hibah dalam apa jua keadaan mesti melaksanakan *qabd* bagi memastikan akad hibah sah menurut syarak. Al-Sharbini (1958) menegaskan, kedudukan *qabd* dalam akad hibah merupakan elemen yang tidak boleh disangkal kerana apabila berlaku *qabd*, pemberi hibah tidak berhak untuk menarik balik hibah yang diberikan. Justeru, antara pentingnya pelaksanaan *qabd* adalah untuk menjadikan harta tersebut berada di dalam pemilikan penerima hibah kerana berkait rapat dengan ketidakbolehan penarikan balik hibah.

2. *Qabd* Sebagai Syarat Sempurna Hibah

Selain daripada golongan yang menjadikan *qabd* sebagai syarat sah hibah, terdapat juga pandangan yang menyatakan *qabd* tidak termasuk dalam elemen kesahan hibah. Bahkan kewujudan *qabd* hanya memainkan peranan dalam menyempurnakan lagi akad hibah selepas berlakunya lafaz ijab dan qabul. Melalui perbincangan ini, Mazhab Maliki turut menyamakan akad hibah adalah mirip akad jual beli yang pada asalnya *qabd* tidak diperlukan sehingga datangnya dalil yang mensyaratkan pelaksanaan *qabd* (Al-Kasani 2000). Pendapat ini juga disandarkan pada firman Allah SWT di dalam al-Quran melalui Surah al-Ma'idah ayat 1:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, sempurnakanlah janji-janji.”

Ayat di atas menjadi petunjuk yang menyatakan akad hibah menyerupai akad-akad perjanjian yang lain (Al-Baghdadi 422H; Nasrul Hisyam 2011). Oleh itu, hanya dengan lafaz ijab dan qabul sudah memadai untuk mengikat akad hibah tanpa sebarang pelaksanaan *qabd*.

Selain itu, Mazhab Hanbali turut berpandangan lafaz ijab dan qabul yang termeterai antara pemberi dan penerima hibah merupakan elemen terpenting yang menyebabkan penarikan semula hibah tidak boleh dilakukan (Ibn Qudamah 1997). Tindakan memberi dan menerima hibah melambangkan persetujuan kedua-dua pihak tanpa perlu kepada pelaksanaan *qabd*. Pandangan ini disandarkan pada sebuah hadis di mana Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

العائدُ في هبته كالكلب يقيء ثم يعودُ في قيئه

(Al-Bukhari, *Kitab Sahih al-Bukhari, Bab Hibah al-Rijal Li Imratih wal Mar'atu li Zaujiha*, No. 2400):

Maksudnya: "Orang yang menarik balik hibahnya adalah seperti seekor anjing yang menjilat kembali muntahnya."

Ibn Rushd (1995) dalam menjelaskan kedudukan *qabd* akad hibah menyatakan Abu Thawr dan Imam Ahmad lebih terbuka dalam melontarkan pandangan mereka. Pandangan mereka telah meletakkan *qabd* bukanlah sebagai syarat sempurna dan syarat sah hibah. Manakala Imam Ahmad Bin Hanbal turut berpandangan *qabd* diperlukan hanya pada barangan yang boleh disukat dan ditimbang.

BENTUK PELAKSANAAN *QABD* HARTA HIBAH

Harta hibah terdiri daripada harta alih dan harta tak alih. Harta alih adalah selain daripada harta yang berbentuk tanah atau rumah. Wang simpanan, saham, emas serta kenderaan merupakan antara harta alih yang kebanyakannya dijadikan harta hibah oleh orang Islam pada hari ini. Fuqaha telah berbeza pendapat dalam menentukan bentuk pelaksanaan *qabd* yang boleh diaplikasikan ke atas harta yang dihibahkan. Mansur (2000) menyatakan, *qabd* berbeza-beza bentuknya dan sangat meluas. Ini kerana faktor peredaran zaman dan curf setempat memainkan peranan dalam menentukan bentuk *qabd* yang diiktiraf menurut perundangan di sesebuah tempat mahupun pelaksanaan *qabd* yang mengikut pendapat fuqaha silam bagi sesebuah tempat yang tidak memperuntukkan undang-undang khusus hibah.

Antara bentuk pelaksanaan *qabd* ke atas harta alih bagi Mazhab Hanafi adalah melalui jalan al-takhliyyah di mana menurut bahasa al-takhliyyah bermaksud menyerahkan sesuatu barang kepada pemilik harta (Nazih Hammad 2001). Penguasaan harta yang dilakukan penerima hibah disebabkan kerana al-takhliyyah oleh pemberi hibah melambangkan telah berlakunya *qabd* bahkan orang lain terhalang untuk mengambil harta tersebut. Selain daripada itu, al-Zuhayli (2002) telah membahagikan bentuk pelaksanaan *qabd* harta alih kepada dua keadaan. Sekiranya harta alih yang boleh ditimbang dan diukur, *qabd* dianggap sempurna apabila timbangan dan ukuran dilakukan. Manakala bagi harta alih yang selain daripada harta yang ditimbang dan disukat, pindah milik harta ke tangan penerima hibah sudah memadai sebagai tanda pelaksanaan *qabd*.

Sementara itu, Mazhab Hanbali berpandangan *qabd* berlaku apabila harta hibah diasingkan daripada tempat penyerahan harta pemberi hibah. Namun sekiranya melibatkan harta timbangan atau sukatan, *qabd* perlu dilaksanakan kerana *qabd* menjadi syarat sah akad hibah menurut Mazhab Hanbali (Muhammad Yusuf 2008). Pandangan ini sekaligus menjadikan *qabd* bagi harta yang boleh ditimbang dan disukat seolah-olah satu rukun dalam kesahan akad hibah.

Jika *qabd* tidak dilakukan maka harta tidak akan menjadi milik penerima hibah.

Mustafa al-Khin et al. (2000) pula menukulkan pandangan Mazhab Shafi'i bagi harta hibah yang boleh dipegang seperti pakaian, buku dan seumpama dengannya. *Qabd* terlaksana apabila penerima hibah mengambil harta-harta tersebut menggunakan tangan dengan maksud mengambil harta yang dihibahkan. Melihat kepada kemajuan yang dialami pada hari ini, wang simpanan turut menjadi salah satu jenis harta hibah. Justeru, Muhammad Yusuf (2008) menyatakan bagi hibah wang ringgit yang berada di dalam akaun bank, *qabd* boleh berlaku apabila pemberi hibah membuat pindahan wang tersebut ke akaun bank penerima. Tindakan ini menjadikan hanya penerima hibah sahaja yang berhak mengeluarkan wang tersebut. Oleh itu, pelaksanaan *qabd* harta telah berlaku dengan pindahan wang melalui akaun yang turut menghalang pemberi hibah mengambil semula wang tersebut.

Sementara itu, bagi harta tak alih, para fuqaha seperti Hanafiyyah, Shafi'iyah, Malikiyyah dan Zahiriyah bersepakat bahawa al-Takhliyyah merupakan salah satu pelaksanaan *qabd* ke atas harta tak alih (Nazih Hammad 2001). Proses al-Takhliyyah yang dilakukan menandakan telah berlakunya satu cara pemilikan yang sempurna di sisi Hanafiyyah (Mansur 2000). Penerima hibah dalam keadaan sebegini bebas bertasarruf ke atas harta hibah tanpa sebarang halangan daripada pemberi hibah. Maka sekiranya harta yang dihibahkan merupakan sebuah rumah, pelaksanaan *qabd* dapat memberi ruang kepada penerima hibah untuk bertasarruf. *Qabd* tersebut boleh berlaku apabila pemberi hibah menyerahkan kunci rumah kepada penerima hibah (Mustafa al-Khin et al. 2000). Dengan demikian, penerima hibah bebas untuk memasuki rumah tersebut kerana pemilikan sudah menjadi haknya. Manakala sekiranya harta hibah terdiri daripada tanah, tindakan penerima hibah menduduki dan mendiami tanah tersebut dianggap sebagai pelaksanaan *qabd* (Muhammad Yusuf 2008).

Bentuk pelaksanaan *qabd* dalam akad hibah yang dibahaskan oleh fuqaha berbeza mengikut jenis harta. Namun demikian, terdapat juga harta hibah yang wujud pada hari ini yang terikat dengan perundangan semasa. Harta hibah berbentuk tanah terikat dengan peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 di mana transaksi hibah mesti melalui pertukaran pindah milik nama di atas dokumen. Pemberi dan penerima hibah dalam kes ini perlulah menggunakan Borang 14A serta memindah milik nama bahagian tanah yang dihibahkan kepada penerima hibah. Pemindahan hak milik akan menyebabkan *qabd* hibah telah terlaksana kerana Borang 14A tidak boleh dipertikai oleh mana-mana pihak (Nasrul Hisyam 2011). Tindakan ini menatijahkan penerima hibah memiliki tanah tersebut walaupun tidak pernah diduduki dan dikerjakan.

QABD DAN PENARIKAN BALIK HIBAH

Qabd merupakan elemen yang menandakan kesungguhan penerima hibah untuk memiliki harta yang dihibahkan. Tindakan *qabd* penerima hibah seperti mengurus atau menggunakan harta hibah menjadikan harta tersebut telah dimiliki kerana berlaku penguasaan secara mutlak tanpa sebarang halangan. Menelusuri pandangan fuqaha yang berbeza terhadap kedudukan *qabd* hibah, penulis berhasrat untuk meneliti kesan perbezaan tersebut dari sudut penarikan balik hibah serta hujah-hujah yang mendasari.

Menurut Noor Lizza et al. (2010), elemen *qabd* menunjukkan kesungguhan pemberi hibah terhadap pemberian harta. Manakala, pelaksanaan *qabd* oleh penerima hibah juga melambangkan kesudian serta penghargaan dalam menerima harta yang dihibahkan. Kedua-dua pihak memainkan peranan dalam mengukuhkan lagi akad hibah yang dilakukan kerana kedudukan *qabd* berkait rapat dengan hukum penarikan balik hibah.

Isu penarikan balik hibah telah dibahas oleh fuqaha Mazhab Hanafi yang berkait rapat dengan pelaksanaan *qabd*. Mazhab Hanafi berpandangan lafaz akad hibah yang tidak disertai dengan pelaksanaan *qabd* tidak dianggap sebagai akad lazim. Justeru, pemberi hibah bebas menarik balik hibah dan membatalkan akad. Terdapat sebuah hadis yang dijadikan sandaran terhadap pandangan ini. Abu Hurairah r.a. telah meriwayatkan sabda Nabi Muhammad SAW:

الواهب أحق بهبته ما لم يُبَيِّت منها

(Ibn Hajar al-‘Asqalani, *al-Dirayah*, No. 184):

Maksudnya: “Pemberi hibah lebih berhak ke atas hibahnya yang tidak memberi apa-apa ganjaran daripadanya.”

Berdasarkan hadis di atas, sekiranya penyerahan harta tidak berlaku, penarikan hibah adalah harus sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW. Namun, sekiranya kedua-dua pihak rela dan bersetuju dalam penarikan balik hibah, Mazhab Hanafi memandang tindakan tersebut adalah harus (al-Zuhayli 1985). Oleh itu, kedudukan *qabd* dalam akad hibah memainkan peranan terhadap kesan dan akibat setelah berlakunya *qabd*.

Sungguhpun begitu, Mazhab Shafi’i, Hanbali dan sebahagian fuqaha Mazhab Maliki berpandangan hibah tidak boleh ditarik balik selepas berlakunya *qabd* ke atas harta hibah (Mohd Zamro 2008). Dalam erti kata lain, selepas berlakunya ijab dan qabul, pemberi hibah berhak menarik balik hibah namun terhalang sekiranya *qabd* telah terlaksana. Walau bagaimanapun, halangan ini terkecuali sekiranya hibah yang melibatkan pemberian oleh bapa kepada anak-anaknya.

Para fuqaha turut membincangkan kesan akad hibah sekiranya berlaku kematian ke atas pemberi atau penerima hibah. Kematian yang berlaku ke atas salah satu pihak yang berakad mempunyai perkaitan dengan perselisihan *qabd* dalam akad hibah oleh para fuqaha.

Mazhab Hanafi dan Shafi’i berpandangan sekiranya mati salah seorang daripada pemberi atau penerima hibah dalam keadaan *qabd* belum terlaksana setelah mendapat keizinan, maka keizinan tersebut adalah terbatal bukannya akad. Dalam hal ini, waris akan menggantikan si mati untuk mengizinkan penerima melakukan *qabd*. Sekiranya pemberi atau waris pemberi menarik balik hibah atau tidak mengizinkan penerima melaksanakan *qabd* maka terbatal akad hibah tersebut (Ibn Qudamah 1997). Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang berpandangan bahawa fasakh akad hibah tersebut. Namun pandangan ini dibalas dengan hujah bahawa hibah itu diterima dan tidaklah terfasakh dengan sebab kematian seperti dalam masalah jual beli (al-Sharbini 1998).

Walaupun bagaimanapun, mazhab Hanbali berpandangan akad hibah yang tidak terlaksana *qabd* adalah terbatal sekiranya mati salah seorang pemberi atau penerima hibah. Keadaan ini juga tanpa mengambil kira samada penerima hibah sudah mendapat keizinan untuk melakukan *qabd* ataupun tidak. Ini kerana hibah merupakan akad jaiz maka batal akad tersebut dengan kematian salah satu pihak yang berakad sebagaimana yang berlaku dalam akad wakalah dan syarikah. Hukum ini turut bersandarkan pada sebuah periwayatan Ahmad daripada Abi Talib dan Abi al-Harith ketikamana seorang lelaki telah menghadiahkan hadiah kepada seseorang. Setelah itu penerima hadiah telah mati tanpa sempat menerima hadiah tersebut. Oleh itu hadiah tersebut dikembalikan kepada pemberi hadiah kerana tidak berlaku *qabd*. Namun sekiranya pemberi hadiah yang mati sebelum sampai hadiah tersebut pada penerima hadiah maka hadiah tersebut dikembalikan kepada waris pemberi hadiah (Ibn Qudamah 1997).

Sementara itu, Imam Malik, Abu Thaur dan Mazhab al-Zahiri menyatakan, *qabd* bukanlah syarat sah hibah, maka kematian salah satu pihak tidak membatalkan hibah selagimana ijab dan qabul telah dilafazkan (Noor Lizza 2014).

KEDUDUKAN *QABD* DALAM PERUNDANGAN SEMASA

Selain daripada meneliti konsep dan pelaksanaan *qabd* hibah dalam perbincangan fuqaha, penulis turut melihat kedudukan *qabd* dalam peruntukan undang-undang negara Islam yang lain. Beberapa negara Islam telah bertindak meletakkan *qabd* sebagai salah satu elemen yang diwartakan dalam perundangan negara mereka. Menurut Noor Lizza et al. (2017), undang-undang Sivil Jordan telah memperuntukkan *qabd* sebagai syarat sempurnanya akad hibah. Namun, *qabd* tersebut perlu mendapat keizinan dan reda pemberi hibah sebagaimana yang diperuntukkan dalam

Perkara 559. Selain itu, Undang-undang Sivil Mesir dalam Perkara 487 turut menggunakan pandangan fuqaha yang menjadikan *qabd* sebagai satu keperluan dalam akad hibah. Manakala negara Islam yang lain seperti Syria dalam Perkara 455, Kuwait dalam Perkara 525 dan UAE dalam Perkara 615 turut mengaplikasikan pandangan tersebut dalam perundangan sivil negara mereka (Nasrul Hisyam 2009).

Berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam undang-undang negara Islam yang lain, *qabd* merupakan satu elemen yang telah diwartakan dan diberi kedudukan dalam perundangan hibah walaupun tidak termasuk dalam rukun-rukun hibah yang perlu dipatuhi menurut *ijma'*. Pelaksanaan *qabd* walaupun tidak termaktub di dalam undang-undang di negara ini, penulis mendapati terdapat beberapa kes hibah berkaitan *qabd* yang telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah. Misalnya dalam kes Basa Bin Jaya v Maliah Binti Wan dan lain-lain (10400-044-0340-2014), hakim memutuskan berlakunya akad hibah dalam kes yang dipohon. Walaupun *qabd* tidak berlaku namun perbuatan penerima hibah yang menguruskan tanah tersebut menunjukkan wujudnya elemen *qabd* yang mengukuhkan lagi penerimaan hibah (Nurul Syuhadah & Noor Lizza 2016).

Selain daripada itu, terdapat juga kes hibah yang diluluskan oleh hakim berdasarkan pembuktian hibah melalui Borang 14A. Melalui kes Abdul Halim Bin Mohd Ghazaly Iwn Ahmad Ghazman Bin Mohd Ghazaly & 8 Responden Yang Lain (10000-044-0063-2016) yang dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor, perayu dalam kes ini telah menyatakan YA Hakim Bicara di Mahkamah Tinggi Syariah telah khilaf dalam mengesahkan hibah si mati melalui pindah milik harta di hadapan Penolong Pentadbir Pejabat Tanah. Walaubagaimanapun, menurut Seksyen 215 Kanun Tanah Negara 1965, sekiranya pemilik tanah berhasrat menghibahkan hartanya kepada pihak yang lain, ia termasuk dalam kategori urusan niaga tanah secara pindahmilik yang memerlukan proses pendaftaran. Proses penukaran hak milik transaksi hibah adalah selari dengan proses pindahmilik melalui jual beli iaitu dengan menggunakan Borang 14A. Perayu di dalam kes ini mempertikaikan kesahihan Borang 14A tersebut. Namun hakim menyatakan bahawa perayu gagal membuktikan sebarang laporan polis yang dibuat berkaitan dakwaan pemalsuan cap jari si mati dan perayu turut gagal membuat sebarang tindakan mencabar kesahihan Borang 14A tersebut di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965. Oleh itu, mahkamah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan hakim di Mahkamah Tinggi yang mengesahkan hibah si mati kepada responden adalah sah melalui proses penukaran hakmilik Borang 14A.

Begitu juga dalam kes Noraini Binti Abdul Hamid Iwn Saleha Binti Mohamed dan 10 Defendan Lain (10300-044-0228-2010), si mati merupakan ayah kepada plaintif didakwa telah menghibahkan pangsapuri tersebut semasa hidupnya kepada plaintif dan defendan 1. Hakim Syarie dalam kes ini telah

mengesahkan hibah adalah sah dengan beberapa faktor. Menurut hakim, akad hibah telah berlaku melalui qarinah iaitu Surat Penamaan dan tindakan Plaintif yang sempat menandatangani Borang 14A. Di samping itu, dua dokumen lain iaitu borang permohonan untuk Amanah Hibah melalui Amanah Raya Berhad (ARB) dan Surat Penamaan menjadi qarinah wujudnya hibah di samping ia dilafazkan di hadapan saksi serta usaha plaintif dengan mengisi Borang 14A untuk pindah milik rumah tersebut. Justeru hakim memutuskan hibah yang dibuat oleh si mati adalah sah. Penulis mendapati hakim dalam kes ini dilihat lebih terbuka dalam menentukan kesahan akad hibah. Ini kerana sekiranya dilihat pada pelaksanaan *qabd*, plaintif tidak pernah menguasai atau menduduki harta yang dihibahkan. Namun antara faktor lain hibah tersebut sah adalah kerana wujudnya qarinah kepada pelaksanaan *qabd* iaitu usaha si mati mengisi Borang 14A serta bukti dokumentasi hibah yang dibuat di Pejabat Amanah. Menurut Perkara 215 Akta 56 Kanun Tanah Negara 1965, penghibah perlu melalui prosedur dengan mengisi Borang 14A untuk menukar hakmilik hartanah. Kesan daripada proses tersebut akan menjadikan hibah sah walaupun penerima hibah tidak melaksanakan apa-apa tindakan pelaksanaan *qabd*.

Manakala melalui kes Siti Nor Hayani Binti Mat Harun Iwn Kalthum Binti Awang Long dan Lima Yang Lain (14700-044-0049-2012), Hakim Syarie turut mengulas lanjut berkenaan *qabd* yang dilakukan oleh penerima hibah. Plaintif selaku penerima hibah dalam kes ini mendakwa bahawa si mati telah mengesahkan sebuah motosikal kepada plaintif sebagai hibah. Plaintif telah menggunakan motosikal tersebut sepanjang menuntut di institut pengajian. Justeru, Hakim Syarie berpendapat tindakan plaintif yang menggunakan motosikal tersebut menunjukkan telah berlaku penguasaan sekaligus membuktikan *qabd* telah berlaku ke atas harta hibah tersebut. Jelas di sini bahawa pelaksanaan *qabd* menjadi salah satu sandaran yang digunakan oleh hakim untuk menerima permohonan pengesahan hibah.

Kesemua kes di atas merupakan kes hibah yang diterima oleh hakim dengan mengambil kira pelaksanaan *qabd* sebagai sahnya akad hibah. Walau bagaimanapun, penulis turut mendapati wujudnya kes hibah yang diterima oleh hakim sedangkan tiada pelaksanaan *qabd* yang dikemukakan oleh pemohon. Situasi ini jelas berlaku dalam kes Aminah Binti Omar Iwn Juliana Binti Sazali & 4 Responden Yang Lain (04200-044-0160-2018), di mana si mati telah menghibahkan wang dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada plaintif yang merupakan ibu si mati. Plaintif menyatakan si mati semasa sedang dirawat di hospital telah berulang kali menyebut untuk memberikan wang tersebut kepada plaintif. Hujah ini turut disokong oleh kakak si mati sebagai saksi pertama. Pada asalnya si mati berniat untuk mengeluarkan sendiri namun keadaan kesihatan plaintif tidak mengizinkan dan si mati terpaksa membatalkan hasrat tersebut sehingga meninggal

dunia. Oleh itu mahkamah menerima permohonan pemohon dalam kes ini. Penghakiman hakim dalam kes ini dilihat tidak menekankan ke arah bentuk pelaksanaan *qabd* namun melihat pada lafaz pemberi hibah yang diucapkan pada penerima hibah semasa hidupnya.

Sementara itu, dalam kes Halijah Bt Ramli lwn Zafirah Athirah Mokhsin & Satu Defendan Lain (07400-044-0015-2018), plaintif telah menghibahkan hartanya yang terdiri daripada wang simpanan, kereta dan rumah kepada kedua-dua defendan. Berkenaan *qabd* dalam hibah ini, plaintif mendakwa bahawa pelaksanaan *qabd* telah berlaku apabila pemberi hibah iaitu plaintif memberi keizinan kepada penerima hibah untuk menerima hibah tersebut. Tiada pelaksanaan *qabd* yang lain dihuraikan oleh plaintif semasa hujahan dibuat. Justeru mahkamah meluluskan permohonan hibah plaintif. Keizinan pemberi hibah terhadap penerima hibah untuk menerima hibah bertepatan dengan pandangan Mazhab Hanafi yang menggambarkan bahawa lafaz *ijab* yang dilafazkan oleh pemberi hibah melambangkan satu keizinan untuk penerima hibah melaksanakan *qabd*. Namun demikian, walaupun plaintif telah menghujahkan bahawa *qabd* berlaku dengan keizinan yang diberikan, penulis berpandangan bahawa hanya keizinan melaksanakan *qabd* yang dikemukakan namun sebarang bentuk pelaksanaan *qabd* tidak dinyatakan semasa perbicaraan.

Perkhidmatan dokumentasi hibah yang ditawarkan melalui produk di syarikat-syarikat amanah dan guaman turut tersenarai sebagai salah satu kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah. Ini kerana dokumen hibah yang dimeterai oleh pihak terlibat disahkan di Mahkamah Syariah sebelum dapat dilakukan pindah milik kepada penerima hibah. Misalnya di Negeri Pahang yang melibatkan kes Mohamed Saaid Bin Hassan lwn Azwan Bin Mohamed Saaid (06100-044-0049-2017) di mana dokumen hibah telah disahkan oleh hakim dan berkuatkuasa selepas kematian pemberi hibah. Manakala dalam kes Ahmad Osman Bin Abd Wahab lwn Mastura Binti Abd Wahab dan tiga yang lain (06100-044-0062-2020), tertera di dalam dokumen hibah bahawa hibah yang dilakukan oleh si mati adalah hibah *ruqba*. Ini kerana penulis mendapati terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat tertera di dalam dokumen tersebut. Hakim dalam kes-kes yang disebutkan telah mengesahkan Dokumen Pengisytiharan Hibah yang dibuat oleh pemohon secara bertulis adalah disahkan mengikut hukum syarak. Antara kandungan yang dinyatakan di dalam dokumen tersebut adalah lafaz *ijab* dan *qabul* yang termeterai di antara pemberi dan penerima hibah. Lafaz penerima hibah berbunyi,

"..Saya juga dengan ini mengaku bahawa mulai pada hari ini, saya dengan suci dan rela hati telah menerima segala hak, kuasa dan tanggungjawab terhadap harta ini yang telah melengkapkan syarat *qabd* di dalam hibah dari pemberi di atas.."

Walaubagaimanapun, bentuk pelaksanaan *qabd* yang dijalankan tidak dinyatakan secara terperinci.

Manakala dalam kes Raihan 'Aini Binti Idris lwn Khairul Nashri Bin Idris (06100-044-0410-2018), hakim telah mengulas lanjut berkenaan dengan pelaksanaan hibah yang telah dideklarasikan oleh pemberi hibah semasa hayatnya di atas dokumen bertulis. Menurut hakim, kaedah akad hibah yang dibuat secara bertulis adalah bertepatan dengan satu kaedah *fiqh* yang berbunyi,

الكتاب كالخطاب

Maksudnya: "Penulisan adalah sama seperti pengucapan."

Justeru, kaedah ini tidak menyalahi syarak dan perlulah dipatuhi. Hakim menyifatkan akad hibah yang dibuat secara bertulis adalah wajar untuk diterima dan disahkan.

Berdasarkan kes-kes yang disebutkan di atas, penulis melihat ketiadaan undang-undang hibah yang khusus menyebabkan hakim menggunakan pandangan yang pelbagai dalam menentukan kesahan hibah. Selagi mana segala rukun dan syarat hibah dipenuhi, permohonan pemohon kes akan diterima. Namun jika melibatkan pelaksanaan *qabd*, keputusan bergantung pada hakim kerana pandangan *fuqaha* yang pelbagai terhadap kedudukan *qabd* dalam akad hibah memberi kesan terhadap keputusan kesahan hibah di mahkamah.

Memandangkan masih terdapat kelompongan dalam perundangan di negara ini berkaitan undang-undang hibah, hibah diletakkan di bawah peruntukan harta dan amanah orang Islam. Peruntukan ini termasuk dalam perkara melibatkan wakaf, wasiat dan zakat. Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan perkara hibah adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kes-kes hibah yang melibatkan harta alih dan harta tak alih dibicarakan namun tidak kesemuanya melibatkan isu *qabd*.

KEPERLUAN *QABD* DALAM AKAD HIBAH

Berdasarkan perbincangan *fuqaha* terhadap kedudukan *qabd* dalam akad hibah, penulis berpendapat *qabd* merupakan elemen yang menjadi pengikat kepada akad hibah yang termeterai antara pemberi dan penerima hibah. Oleh itu, bagi *fuqaha* yang berpandangan bahawa *qabd* adalah syarat sah hibah, hibah boleh dibatalkan sekiranya *qabd* belum terlaksana sebagaimana tindakan Nabi Muhammad SAW yang mengambil semula minyak kasturi yang dihibahkan kepada Raja Najasyi. Kepentingan *qabd* pula dianggap setaraf dengan *qabul* bagi Mazhab Hanafi kerana pelaksanaan *qabd* melambangkan penerimaan pihak yang menerima hibah. Sekiranya tidak berlaku *qabd* dan penguasaan ke atas harta, harta hibah seolah-olah masih berada di bawah pemilikan pemberi hibah. Ini kerana pemberi hibah bebas untuk menarik balik hibah tersebut. Penulis berpandangan kerana pentingnya pelaksanaan *qabd* dalam akad

hibah menurut Mazhab Shafi'i dan Mazhab Hanafi, kedua-dua golongan ini meletakkan kedudukan *qabd* sebagai syarat sah akad hibah. Selagimana penerima hibah tidak menguasai harta yang dihibahkan, pemilikan secara mutlak tidak akan berlaku. Kesan terhadap pandangan ini, penarikan balik hibah boleh dilakukan bagi harta yang belum dilaksanakan *qabd*.

Selain daripada itu, kesahan akad hibah mempunyai perkaitan dengan akad yang dilafazkan oleh pemberi dan penerima hibah. Penerimaan atau *qabd* yang dizahirkan oleh penerima hibah boleh berlaku dalam bentuk lafaz atau perbuatan yang menunjukkan penerima hibah menguasai harta yang dihibahkan. Oleh kerana hibah melibatkan pertukaran hak milik harta antara dua pihak, maka pihak yang memberi hendaklah memberikan keizinan kepada penerima hibah mengurus atau menguasai harta sekaligus menandakan kesungguhan pemberi hibah. Manakala, penerima hibah hendaklah menerima harta hibah serta menguasainya sebaik sahaja lafaz ijab dan qabul dilafazkan. Antara contoh bentuk penguasaan yang boleh dilaksanakan adalah memasuki rumah yang dihibahkan sebaik sahaja berlakunya akad hibah.

Sementara itu, bagi pandangan yang hanya menjadikan *qabd* adalah syarat sempurna hibah seperti Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali, lafaz ijab dan qabul dianggap sudah memadai dalam mengesahkan akad hibah. Sekiranya penerima hibah melaksanakan *qabd*, tindakan tersebut akan menyempurnakan lagi akad hibah. Kesan daripada lafaz ijab dan qabul tersebut, pemberi hibah tidak boleh menarik balik hibah walaupun *qabd* belum terlaksana. Ini kerana harta hibah sudah menjadi milik mutlak penerima hibah seurus selepas lafaz qabul diucapkan menurut sebahagian pandangan.

Penulis turut bersetuju dengan pandangan yang dilontarkan oleh Nasrul Hisyam (2009) yang menyatakan bahawa pelaksanaan *qabd* sebenarnya melambangkan maqasid al-shariah. Justeru, walaupun penerima hibah telah menyatakan penerimaan melalui lafaz qabul, namun untuk memastikan penerima hibah bersungguh dan rela menerima pemberian tersebut, *qabd* dijalankan ke atas harta tersebut. Selain itu, pemberi hibah juga lebih yakin dalam memastikan harta yang dihibahkan dijadikan hak milik mutlak penerima hibah setelah berlaku penguasaan ke atas harta tersebut.

Melihat kepada kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah, penulis mendapati terdapatnya kes-kes hibah yang diulas oleh hakim berkenaan pelaksanaan *qabd* dalam kajian Badruddin Ibrahim (2009). Merujuk kes *Poolimahee Rajeswary @ Fatimah Binti Baba lwn Meah Binti Hassan* (2005) 19 JH 164, hakim memutuskan tindakan penerima hibah yang tinggal bersama si mati merupakan satu pelaksanaan *qabd* bagi hibah yang telah dilafazkan oleh si mati semasa hayatnya. Begitu juga dalam kes pengesahan hibah Ismail Bin Siak kepada Wan Ismariza Bt Wan Ismail (2004) 18 JH 163, hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang berpendapat bahawa tindakan penerima hibah yang

membayar cukai tanah merupakan satu pelaksanaan *qabd*. Justeru, tindakan tersebut menjadi hujah yang kuat menandakan tanah tersebut adalah milik penerima hibah setelah dihibahkan.

Oleh yang demikian, penulis berpendapat elemen *qabd* selain daripada menjadi kayu ukur kesungguhan kedua-dua pihak yang memberi dan menerima sesuatu pemberian, pelaksanaan *qabd* itu sendiri bersifat mengikat pemilikan yang diberikan kepada penerima hibah di sisi undang-undang. Kesan daripada itu, waris atau sesiapa sahaja tidak boleh menafikan hibah yang berlaku. Justeru, walaupun undang-undang hibah masih belum digubal dalam perundangan negara kita sehingga ke hari ini, tidak dapat dinafikan bahawa kes-kes hibah yang dibicarakan di mahkamah masih menyentuh isu pelaksanaan *qabd* sebagai salah satu sandaran terhadap kesahan akad hibah. Penulis berpandangan keadaan ini menjadikan *qabd* merupakan satu elemen yang perlu diimplementasi melalui peruntukan undang-undang di negara ini. Seterusnya, kewujudan undang-undang hibah akan menjadi rujukan orang Islam di negara ini dalam melakukan amalan hibah sebagai salah satu wadah perancangan dan pengurusan harta mereka semasa hidup.

KESIMPULAN

Berdasarkan pandangan fuqaha yang membahaskan tentang kedudukan *qabd* dalam akad hibah, penulis telah merumuskan beberapa perkara yang berkaitan. Penulis mendapati pelaksanaan *qabd* secara asasnya dapat menjadi penguat lafaz akad hibah yang melibatkan pindahmilik menurut undang-undang. Pelaksanaan *qabd* bukan sahaja menjadi asas pembuktian pemilikan penerima hibah di mahkamah, malah dapat menghalang pihak waris untuk mencabar hak penerima hibah sewenang-wenangnya. Ini kerana sebarang pemilikan harta hibah yang terikat dengan undang-undang atau yang telah disahkan oleh Hakim Syarie memerlukan campur tangan pihak mahkamah sekiranya berlaku pertikaian antara waris ke atas harta yang dihibahkan.

Sungguhpun begitu, *qabd* yang dijalankan mestilah mendapat keizinan daripada pemberi hibah sebelum digunakan atau dikuasai harta tersebut sebagaimana yang telah digariskan oleh fuqaha. Sebagai contoh harta hibah yang melibatkan rumah, keizinan tersebut boleh berlaku dalam bentuk penyerahan kunci rumah kepada penerima hibah. Oleh itu, kunci rumah yang diserahkan kepada penerima hibah melambangkan niat pemberi hibah untuk memberikan hartanya. Walaubagaimanapun, bentuk keizinan *qabd* tidak dikhususkan di dalam perbincangan fuqaha. Keizinan daripada pemberi hibah boleh berlaku dalam pelbagai bentuk mengikut jenis harta dan situasi penyerahan harta hibah.

Pelaksanaan *qabd* juga berbeza dari sudut perbahasan fuqaha mengikut harta yang dihibahkan. Selagimana pihak yang berakad mampu menguasai harta hibah secara mutlak, *qabd* dianggap sudah

berlaku. Lafaz ijab dan qabul semata-mata walaupun menurut sebahagian pandangan sudah menunjukkan berlakunya akad hibah, namun pelaksanaan *qabd* lebih mengukuhkan lagi pemilikan harta kerana tasarruf yang dilakukan. Pelaksanaan *qabd* juga dalam masa yang sama akan memberi jaminan kepada pemberi hibah bahawa harta tersebut secara rela diterima dan akan diuruskan dengan baik oleh pemilik baru harta.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
'Abdullah Muhammad 'Abdullah. 2014. *Possession(Qabd) : Its Type And Applicable Rules In Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- 'Ali Haydar. 2003. *Durar al-Hukkam Sharh Majallat al-Ahkam*. Jil 2. Beirut: Dar 'Alam al-Kutb.
- Badruddin Ibrahim. 2009. Acceptance (Qabul) and Taking Possession (Qabd) of Hibah Under Islamic Law and The Decision of Syariah Courts in Malaysia. *IJUM Law Journal*. Vol.17. No. 2: 167-191
- Al-Baghdadi, Al-Qadi Abdul Wahhab Al-Baghdadi. 422 H. *Al-Ma'unah 'ala Mazhab 'Alim al-Madinah*. Jil 1. Mekah al-Mukarramah: al-Maktabah al-Tijariyyah.
- Ibn Faris, Abi al-Husayn Ahmad ibn Fāris ibn Zakariyyā. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Jil 5. t.tp: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah. Muwaffaq al-Din Muhammad 'Abd Allah Bin Ahmad Bin Muhammad. 1997. *Al-Mughni*. Cet. 3, Juz 24. Riyadh: Dar al-'Alam al-Kutub.
- Ibn Rushd, Muhammad Bin Ahmad Bin Muhammad Rushd Al-Hafid. 1995. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jil 4. Kaheerah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- Kanun Tanah Negara 1965.
- Al-Kasani, Imam Al-Kasani Abi Bakr Bin Su'ud. 2000. *Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Syarai'*. Juz 5. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Kasani, al-Imam 'Ala' al-Din Abi Bakr Ibn Mas'ud al-Kasani al-Hanafi. 2003. *Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Syarai'*. Jil 8. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mansur Abdul Latif Mansur Sus. 2000. *Al-Qabd Wa Atharuhu Fil al-'Uqud*. Tes. Master. Kulliyyah al-Dirasat al-'Ulya: Jami'ah al-Najah al-Wathaniyyah.
- Mohd Zamro Muda. 2008. Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi Di Malaysia. *Kertas Kerja Konvensyen Faraid dan hibah Kebangsaan*. Anjuran JAKIM. Kuala Lumpur, 7 Ogos.
- Muhammad Yusuf 'Amru. 2008. *Al-Mirath Wal al-Hibah : Dirasat Maqarinah*. Amman: Dar al-Hamed.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha & Ali Asy-Syarbaji. 2000. *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Shafi'i*. Ed. 3 dan 4. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Nasri Naiimi. 2016. *Pengurusan Pusaka Islam: Wasiat Dan Hibah Di Malaysia Isu Dan Aplikasi*. Sintok: UUM Press.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2009. *Elemen Qabd (Pindahan Milikan) dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan Dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-undang Islam*. *Jurnal Syariah*, Jil 17, Bil 2: 243-266.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2011. *Hibah Dalam Undang-undang Islam: Prinsip Dan Amalan*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Nazih Hammad. 2001. *Qadhaya Fiqhiyyah Mu'asharah Fi al-Mal Wa al-Iqtishad*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Noor Lizza Mohamed Said. 2014. Analisis Fiqah Terhadap Undang-Undang Hibah dan Wasiat Di Negara-negara Islam. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lizza Mohamed Said, Adnan Mohamed Yusoff, Mohd Zamro Muda & Md. Yazid Ahmad. 2017. Analisis Keperluan *Qabd* dalam Akad Hibah yang Diperuntukkan Dalam Perundangan Di Jordan. *Proceeding International Conference On Law And Islamic Jurispence*. Anjuran Jabatan Syariah UKM. Langkawi, 24 Mac.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor. 2010. *Qabd dan Hukum Penarikan Balik Hibah*. *Jurnal Muamalat*. Bil 3: 157 – 184.
- Nurul Syuhadah Azalan, Noor Lizza Mohamed Said. 2016. Keputusan Hakim Syarie Dalam Kes-kes Pengesahan Hibah Mengenai *Sighah*. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Vol 1 (1): 55-68.
- Al-Sharbini, Syeikh Shamsuddin Muhammad Ibn al-Khatib. 1998. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Juz 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Thabiti, Su'ud Bin Mus'ad. 1990. *Al-Qabd: Ta'rifu, Aqsamuhu, Suaruhu wa Ahkamuha, Majallat Majma' al-Fiqh al-Islami*. Jil 6 (1).

Al-Zuhayli, Wahbah. 1985. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil 5. Damsyiq: Dar al-Fikr.
Al-Zuhayli, Wahbah. 2002. *Al-Mu'amalat al-Maliyah al-Mu'asarah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Al-Zuhayli, Wahbah. 2003. *Tafsir al-Munir Fi al-'Aqidah Wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Jil 2. t.tp: Dar al-Fikri.

Al-Zamakhshari, Abi Al-Qasim Mahmud Jar Allah Ibn Omar. 1998. *Asas al-Balaghah*. Jil 2. Beirut: Dar al-Kutb al-'Ilmiyyah.

Nor Aini Abdullah
ainiabdullah239@gmail.com
Pelajar Siswazah
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Noor Lizza Mohamed Said
lizza@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Mohd Zamro Muda
zamro@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
MALAYSIA

Nasrul Hisyam Nor Muhamad
nasrul@utm.my
Akademi Tamadun Islam,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
Universiti Teknologi Malaysia,
MALAYSIA.

KANDUNGAN / CONTENTS

Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat <i>Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles</i> Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub, Jasni Sulong	1-11
Aplikasi Qabd Dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan Dalam Perundangan di Malaysia <i>Application of Qabd in Hibah: Fuqaha Views and Legal Practice in Malaysia</i> Noor Aini Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Nasrul Hisyam Nor Muhammad	12-21
Analisis Perbandingan Pandangan Fuqaha Mengenai Syarat Ahliyyah dalam Perkahwinan <i>Comparative Analysis of Fuqaha's Views on The Conditions Of Ahliyyah in Marriage</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	22-31
Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī‘ah <i>Underage Marriage from The Perspective of Maqāṣid Al-Sharī‘ah</i> Nurul Ain Hazram, Raihanah Azahari	32-42
Are The Limitations on Remedies Fair? A Comparative Study Between The Us Law and Islamic Law Fahad Mubarak Aldossary	43-54
Pembahagian Harta Pusaka dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu Kajian Literatur <i>Distribution of Inheritance Among Muslims Society in Negeri Sembilan: A Literature Review</i> Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan, Zamro Muda, Zuliza Mohd Kusrin	55-64
Keperluan Tadbir Urus Syariah di Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Satu Tinjauan Literatur <i>The Need of Shariah Governance For Small and Medium Enterprise (SME): A Literature Review</i> Abd Hakim Abd Rasid, Salmy Edawati Yaacob, Mat Noor Mat Zain	65-75
Standard Penarafan Hotel Mesra Muslim Berdasarkan Maqasid Syariah: Satu Sorotan <i>Muslim Friendly Hotel Rating's Standards Based on Maqasid Syariah: An Overview</i> Aziz Abidin Bin Azmi Puat, Mohammad Zaini Bin Yahaya	76-85

<p>Tāhā Jābir Al-‘Alwānī’s Viewpoint on Apostasy: An Analytical Study From Bangladesh Perspective</p> <p>Belayet Hossen, Abdul Bari Bin Awang</p>	86-94
<p>Kesesuaian Komponen Pendedahan Maklumat Dalam Peraturan 3 P.U. (A) 458 Untuk Transaksi Pembelian dalam Talian</p> <p><i>Appropriateness of The Information Disclosure Components in Regulation 3 P.U. (A) 458 For Online Purchase Transactions</i></p> <p>Amirah Madihah Binti Adnan, Zamzuri Bin Zakaria, Norhoneydayatie Binti Abdul Manap</p>	95-104
<p>Wakaf Sebagai Dana Alternatif untuk Pembiayaan Pendidikan Peringkat Sekolah di Malaysia: Satu Tinjauan</p> <p><i>Waqaf as Alternative Education Fund for School Level in Malaysia</i></p> <p>Mohd Faizal Noor Bin Ariffin, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Abdul Basir Bin Mohamad, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	105-113
<p>Konsep Fesyen Menurut Syarak Dan Kaitan Dengan <i>Tabarruj</i>: Satu Tinjauan Literatur</p> <p><i>A Concept of Fashion According to Islamic Law and Its Relation with Tabarruj: A Review</i></p> <p>Siti Zanariah Husain, Muhammad Adib Samsudin</p>	114-126
<p>Kelebihan dan Kekurangan Sukuk Blockchain: Satu Sorotan Literatur</p> <p><i>The Advantages and Disadvantages of Blockchain Sukuk: A Literature Review</i></p> <p>Nadhirah Sakinah Binti Sidik, Azlin Alisa Binti Ahmad</p>	127-134
<p>Isu Isu Syariah bagi Aplikasi Modal Teroka di dalam Koperasi</p> <p><i>Shariah Issues on The Application of Venture Capital in Cooperative</i></p> <p>Khairul Fatihin B Saedal Atas, Azlin Alisa Ahmad, Mohammad Zaini Bin Yahaya, Amir Fazlim Bin Jusoh @ Yusoff</p>	135-145
<p>Analisis Perubahan Konsep Kontrak Dalam Prosedur Pelaksanaan Produk Ar-Rahnu Dan Kesannya</p> <p><i>Analysis Changes Of Contract Concept In Implimentation Of Procedure Ar-Rahnu Products And Its Impact</i></p> <p>Aida Rasyiqah Binti Zulkifli, Zamzuri Bin Zakaria</p>	146-154
<p>حديث "ناقصات عقل ودين" وإشكالية التعليل به في قضايا المرأة، دراسة نقدية</p> <p><i>The Prophetic Hadith Of "Women Are Deficient In Reason And Religion" And The Problem Of Using It As A Justification In Women's Issues, A Critical Study</i></p> <p>A.B. Mahroof</p>	155-170

Journal of Contemporary Islamic Law

(2021)Vol. 6(2)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh
Dr. Asman Taeali
Dr. Muhammad Yasir Yusuf
Dr. Ahmad Nizam
Dr. T. Meldi Kesuma
Sarjiyanto
Shinta Melzatia
Dr. Hamza Hammad
Dr. Nazlida Muhamad
Dr. Madiha Riaz
Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda
Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2021), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.